# MANUAL PENGGUNAAN

E-MAJIKAN

PUSAT KUTIPAN ZAKAT

# 1. PENGENALAN

Sistem E-majikan dibangunkan bagi memberikan kemudahan kepada majikan yang menyertai **Potongan Zakat Berjadual (PZB)** untuk menghantar data bayaran zakat kakitangan kepada Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang) dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Melalui sistem ini juga, majikan boleh **Mengemaskini Bayaran Zakat Pencarum**, **Menyemak Penyata Bayaran Terdahulu** dan **Mencetak Penyata Rekod Bayaran Zakat**.

# 2. MODUL SISTEM

- Daftar Majikan Baru
- Daftar Masuk Sistem E-Majikan
- Semak Penyata Bayaran Terdahulu
- Key-In Pembayaran
- Lihat Key-In Terdahulu
- Ubah Kata Laluan
- Keluar



2.1 Daftar Majikan Baru

2.1.1 Layari laman sesawang PKZ Pahang www.zakatpahang.my. Klik butang "**Khidmat**" dan pilih "**E-Majikan**".

2.1.2 Untuk mendaftar sebagai pengguna Sistem E-Majikan, sila klik butang **"DAFTAR".**




2.1.3 Sila isikan borang yang disediakan dengan **tepat** dan **betul**. Seterusnya klik pada butang **"HANTAR".**




2.1.4 Pihak PKZ Pahang akan menghubungi pihak majikan untuk membuat pengesahan.

2.1.5 Emel berkaitan maklumat pendaftaran seperti **No. MyKad** dan **Kata Laluan** akan dihantar selepas pendaftaran diluluskan.

## 2.2 Daftar Masuk Sistem E-Majikan

2.2.1 Sila masukkan **No. MyKad** dan **Kata Laluan** yang telah diberikan melalui emel. Seterusnya klik butang "**DAFTAR MASUK**".




2.2.2 Paparan seperti di bawah akan tertera jika kombinasi No. MyKad dan Kata Laluan yang telah dimasukkan adalah **betul**.



2.3 <u>Semak Penyata Bayaran Terdahulu</u>

2.3.1 Untuk menyemak penyata bayaran yang lalu, sila klik "**Semak Penyata Bayaran Terdahulu**".




2.3.2 Penyata Bayaran terdahulu akan dipaparkan di sini. Sekiranya tiada penyata bayaran, paparan akan kosong.




2.3.2.1 Untuk melihat penyata bayaran pada tahun-tahun sebelum ini, klik *drop-down* "**Tahun**" dan pilih tahun yang dikehendaki.

2.3.2.2 Klik pada fail PDF untuk melihat, memuat turun dan mencetak penyata bayaran yang dikehendaki.

## 2.4 Key-In Pembayaran

2.4.1 Untuk membuat pembayaran, sila klik butang "**Key-In Pembayaran**".




2.4.2 Paparan seperti di bawah akan tertera.




2.4.3 Menambah Maklumat Pencarum

Untuk menambah pencarum, sila masukkan **No.Kad Pengenalan**, **Nama** dan **Bayaran** dan seterusnya klik pada butang "**Tambah**".



2.4.3.1 Senarai nama pencarum akan tertera.




## 2.4.4 Mengubah / Memadam Pencarum

2.4.4.1 Untuk mengubah amaun bayaran atau memadam pencarum di dalam senarai, sila klik butang "**Edit Padam**".



### 2.4.5 Upload Pencarum dari fail Excel

2.4.5.1 Majikan boleh upload file excel (mengikut format PKZ) untuk mengemaskini (menambah/mengurang) Senarai Pencarum. Sila klik butang “**Baca Dari Fail Excel**”.




Majikan perlu memastikan fail excel mematuhi ***header*** yang ditetapkan:

1. **IC** untuk Nombor Kad Pengenalan
2. **NAMA** untuk Nama
3. **AMAUN** untuk Amaun Bayaran

Majikan juga perlu memastikan **hanya ada satu worksheet** sahaja di dalam fail tersebut.

2.4.5.2 **Contoh format** fail excel mengikut format PKZ Pahang.



| BIL | NAMA | IC | NO.GAJI | AMAUN | BULAN POTONGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Ahmad bin Kasim | 901001-00-2001 | 1245 | 100 | Januari 2020 |
| 2 | Siti binti Ahmad | 880108-00-1110 | 2554 | 55 | Januari 2020 |
| 3 | Zainul bin Rashid | 780212-22-1101 | 1157 | 20 | Januari 2020 |
| 4 | Osman bin Ismail | 871111-00-0011 | 1220 | 15 | Januari 2020 |
| 5 | Leha binti Abu | 650012-00-1122 | 2339 | 90 | Januari 2020 |

2.4.5.3 Sila klik butang “**Browse**”dan pilih data excel yang dikehendaki. Klik “**Upload**” untuk memuat naik data pencarum dari fail excel.




2.4.5.4 Jika fail berjaya dibaca, sistem akan memaparkan maklumat pencarum di ruangan senarai pencarum.



2.4.5.5 Senarai Pencarum akan dipaparkan pada ruangan Senarai Pencarum.

2.4.5.6 Sila klik butang "Selesai Dan Hantar" setelah proses mengemaskini data pencarum selesai.



2.5 <u>Maklumat Bayaran</u>

2.5.1 Majikan perlu memastikan proses (Deposit/Transfer) amaun bayaran **telah dilaksanakan** sebelum mengisi “**Maklumat Bayaran**”.

2.5.2 Majikan perlu mengisi ruangan disediakan dengan maklumat yang **betul** (bulan potongan dan tahun, tarikh bayaran/cek, bentuk bayaran, no.rujukan/ cek/ slip bank).

2.5.3 Sila nyatakan bank zakat yang di*bank-in* jika bayaran dibuat melalui **Deposit Tunai, Deposit Cek atau EFT**.

2.5.4 Pastikan “**Jumlah Bayaran**” yang diisi adalah sama seperti dokumen bayaran yang telah dibuat.



2.5.5 *Upload* dokumen bayaran adalah sebagai **bukti pembayaran telah dilakukan**. Contohnya jika cek telah didepositkan, sila *upload* gambar slip bank tersebut.

2.5.6 Sila pastikan dokumen bayaran yang diupload adalah yang **tepat** dan **betul.**

2.5.7 Sila klik butang "**Hantar**" untuk menghantar maklumat bayaran zakat tersebut.



2.6 <u>Menyemak Maklumat Bayaran</u>

2.6.1 Majikan perlu menyemak maklumat bayaran dan sekiranya semua maklumat adalah **betul**, sila klik “**Sahkan**”.



Sistem E-Majikan Pusat Kutipan Zakat Pahang

| Sila Semak Maklumat Pembayaran | |
|---|---|
| Kod Majikan : | 9372 |
| Nama Majikan : | ZEE KITCHEN SDN.BHD. |
| Potongan Bagi Bulan : | 8, 2020 |
| Tarikh Bayaran Dibuat/Tarikh Cek : | 21/9/2020 |
| Bentuk Bayaran : | Electronic Fund Transfer |
| Nombor Rujukan/Cek/Slip : | 0001 |
| Nama Bank Penghantar : | BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD |
| Nama Bank Penerima : | BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD |
| Jumlah Bayaran : | RM 200.00 |
| Bilangan Pembayar : | 2 |
| Catatan : | Testing |



2.6.2 Setelah sahkan, paparan seperti di bawah akan terpapar. Klik “**OK**” untuk selesai.




2.6.3 Majikan boleh **mencetak** maklumat bayaran yang dihantar kepada PKZ Pahang untuk simpan. Sila klik butang “**Cetak**” selepas selesai maklumat bayaran dihantar.

2.6.4 Bayaran yang dihantar boleh disemak oleh majikan **selepas 10hb bulan berikutnya** daripada tarikh maklumat bayaran dihantar.

## 2.7 Lihat Key-In Terdahulu

2.7.1 Untuk melihat rekod bayaran, Klik “**Lihat Key-In Terdahulu**”




2.7.2 Senarai maklumat bayaran yang telah dimasukkan sebelum ini akan dipaparkan di sini.




2.7.3 Klik “**Paparkan**” untuk melihat paparan maklumat key-in terdahulu yang telah dibuat.

2.7.4 Paparan **Key-In Terdahulu** akan dipaparkan seperti di bawah.


Sistem E-Majikan Pusat Kutipan Zakat Pahang

PAPARAN KEY-IN - ID : 3638

Nombor Penyata : 3638
Nama Majikan : ZEE KITCHEN SDN.BHD.
Bulan,Tahun : 9, 2020
Tarikh Bayaran : 21/09/2020
Bentuk Bayaran : Electronic Fund Transfer
Nombor Rujukan : 1234
Nama Bank Penghantar : MBB
Nama Bank Penerima : BKRM
Jumlah Bayaran : 40.00
Bilangan Pembayar : 3
Tarikh Disahkan : 21/09/2020
Pegawai Mengesahkan : 97040

| Bil. | No. Kad Pengenalan | Nama Pembayar | Bayaran |
|---|---|---|---|
| 1. | 731105-06-5193 | FYAD | 20.00 |
| 2. | 731105-06-5192 | DFFR | 10.00 |
| 3. | 567 | NMA | 10.00 |
| | | Jumlah Muka Ini :<br>Jumlah Keseluruhan : | 40.00<br>40.00 |

Bil. Paparan Semuka: 10

Gunakan Data Ini Untuk Key-In | Kembali



2.7.5 Klik “**Gunakan Data Ini Untuk Key-In**” untuk menggunakan data pencarum bagi membuat bayaran yang lain. Cara-cara memasukkan bayaran adalah sama dengan langkah di **2.4.3**.


Sistem E-Majikan Pusat Kutipan Zakat Pahang

| Bil. | No. Kad Pengenalan | Nama Pembayar | Bayaran | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 86xxx3-06-xxx9 | Ahmad | 100.00 | Edit Padam |
| 2. | 90xxxx-01-5xxx | Siti | 100.00 | Edit Padam |
| | | Jumlah Muka Ini :<br>Jumlah Keseluruhan : | 200.00<br>200.00 | |

Kosongkan Data

Paparan Semuka: 10

| Tambah Data | | | |
|---|---|---|---|
| No.Kad Pengenalan: | Nama: | Bayaran: | Tambah |
| | | 0.00 | |

Kembali Ke Menu | Selesai Dan Hantar

## 2.8 Ubah Kata Laluan

2.8.1 Sila klik pada butang “**Ubah Kata Laluan**”.




2.8.2 Maklumat berikut akan dipaparkan :

- Kata Laluan Lama
- Kata Laluan Baru
- Sahkan Kata Laluan Baru




2.8.2.1 Sila kemaskini Kata Laluan Lama kepada Kata Laluan Baru dan Sahkan Kata Laluan Baru. Sila klik butang “**Ubah Kata Laluan**”.

2.8.2.2 Satu tetingkap pengesahan akan dipaparkan bagi menunjukkan proses mengemaskini Kata Laluan Baru berjaya dilakukan.

2.8.2.3 Sistem akan **logout** dan memerlukan pengguna **Daftar Masuk** semula menggunakan **Kata Laluan Baru**.

2.9 Keluar

2.9.1 Untuk keluar dari sistem ini, sila klik “**Keluar**”.




Disediakan oleh

**Bahagian Khidmat Zakat Berjadual**
Ibu Pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang
Tel : 09-513 1515/ 1616
Email : kzb@zakatpahang.my